

Golf Amal UMT bantu kumpul dana

ST 30/08/08 P8-T4



- Seramai 55 peserta kakitangan universiti di negeri Terengganu dan negeri luar termasuk beberapa kakitangan korporat menyertai pertandingan Golf Amal Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang diadakan di Tuanku Mizan Golf & Country Resort Kuala Terengganu.
- Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa, UMT, Prof Dr Aziz Deraman, berkata, penganjuran pertandingan tersebut merupakan inisiatif yang telah dilaksanakan universiti itu dalam usaha mengumpul dana bagi tujuan mendapatkan dana bantuan persekolahan anak staf UMT yang berpendapatan rendah bagi sesi persekolahan 2009.
- Menurutnya, dana dari Golf Amal ini akan disalurkan bagi membantu mereka dalam memastikan mereka yang memerlukan dapat meneruskan pengajian tanpa terjejas dengan masalah kewangan atau masalah lain.
- Katanya, penganjuran tersebut mencapai matlamatnya apabila berjaya mengumpul kira-kira RM10,000 daripada rakan korporatnya dan kakitangan universiti bagi menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.
- “Saya percaya, hubungan industri, korporat dan universiti merupakan satu hubungan strategik yang berpotensi untuk dibangunkan secara terancang, dalam membawa manfaat yang amat berguna kepada pembangunan masyarakat serta negara,” katanya.